

Latif raih emas ketiga negara

➔ Selepas unggul acara lompat jauh T20 dan pecahkan rekod dunia yang dipegang atlet Sepanyol, Jose Exposito

Oleh Mohamad Zulfaizan Mansor
zulfaizan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Abdul Latif Romly menyumbang pingat emas ketiga buat negara selepas mengungguli acara lompat jauh T20 pada Sukan Paralimpik Rio 2016, malam tadi.

Lebih manis, Abdul Latif berjaya memecahkan rekod dunia yang dipegang atlet Sepanyol, Jose Exposito sebanyak tiga kali iaitu pada lompatan kedua, ketiga dan kelima.

Catatan 7.37 meter (m) yang dilakukan Exposito pada 2013 di Tunisia dipadamkan Abdul Latif pada lompatan keduanya dengan 7.47m, 7.54m (lompatan ketiga) dan 7.6m (lompatan kelima).

Pencapaian terbaik

Kejayaan itu sekali gus melengkapkan emas ketiga kontinjen negara setakat ini

selepas pelari pecut, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi dan atlet lontar peluru, Muhammad Ziyad Zolkefli melakukan pencapaian sama semalam.

Malah, pencapaian kontinjen Malaysia pada Sukan Para-

limpik kali ini adalah terbaik kerana bukan sahaja berjaya meraih emas, malah turut memecahkan dua rekod dunia dan satu rekod kejohanan.

Kemenangan itu juga menyaksikan atlet berusia 19 tahun itu bakal menerima ganjaran lumayan seperti yang diterima Mohamad Ridzuan dan Muhammad Ziyad.

Ketiga-tiga mereka layak menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) dan Skim Imbuhan Tetap Olimpik (SITO) seperti diterima atlet

normal yang bertanding di Sukan Olimpik Rio 2016, baru-baru ini.

Menerusi SHAKAM, pemenang pingat emas Sukan Olimpik menerima ganjaran RM1 juta, perak (RM300,000) dan gangsa (RM100,000) manakala bagi SITO, pemenang pingat emas menerima pencen bulanan RM5,000, perak (RM3,000) dan gangsa (RM2,000).

Mereka juga bakal menerima ganjaran seunit suite mewah di Trion 888, Equine Park dan kenderaan utiliti sukan (SUV), Kia Sportage sumbangan Naza Corporation Holdings kerana kejayaan mereka mengharumkan nama negara di pentas dunia.


Fakta nombor

7.60 METER

rekod baharu dunia acara lompat jauh T20 yang direkodkan Abdul Latif

3 KALI

Abdul Latif memecahkan rekod dunia



Latif bersedia untuk melakukan lompatan dalam acara lompat jauh T20, malam tadi.